



# UiTM HARI INI DALAM SEJARAH

## 13 DISEMBER 2001

### PELANTIKAN CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KE-2

Pada 13 Disember 2001, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah dilantik sebagai Canselor UiTM yang ke-2. Pengisytiharan Baginda sebagai Canselor UiTM telah diadakan pada Istiadat Pemasyhurannya Canselor UiTM pada 7 Mac 2002. Baginda merupakan Yang di-Pertuan Agong yang ke-12 selepas Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Al-Marhum Sultan Sir Hisamuddin Alam Shah. Baginda merupakan Raja yang memerintah Negeri Perlis sejak 24 April 2002 hingga sekarang. Baginda diputerakan di Arau, Perlis pada 17 Mei 1943 dan merupakan putera kedua daripada 10 putera dan puteri Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Tengku Budriah Tengku Ismail.



Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Canselor UiTM yang ke-2

**Sumber:**

- Buku UiTM-Kecemerlangan Berterusan 2002-2003